

Kesalahan Ejaan (E) dan Imbuhan (I)

Bil	SOALAN	JAWAPAN BETUL
1	Restoren Kak Uda menawarkan bufet bagi sajian tengah hari dengan pelbagai hidangan tempatan dan barat oleh tukang masak yang berpengalaman.	E I
2	Walaupun waktu bersekolah sudah lama tamat, murid perempuan itu tetap tidak berganjak dari tempat duduknya sehingga ibu bapanya tiba di sekolah	E I
3	Strategi pengurusan haruslah diaplikasikan untuk jaminan industri memanfaatkan sumber modal insan khususnya golongan profesional secara optimum.	E I
4	Kumpulan orkestra di oditorium itu mendapat tepukan yang gemuruh daripada penonton setelah selesai lakukan persembahan.	E I
5	Kerajaan akan memperhalusi Peraturan-peraturan Makanan 1985 yang melarang pengilang menggunakan bahan pengawit yang berbahaya.	E I
6	Dalam masyarakat Cina, kelender memainkan peranan penting untuk penentuan tarikh perkahwinan dan membuka bangunan baharu.	E I
7	Pihak polis telah berjaya menumpaskan sendiket pemalsuan wang dengan tangkapan ketua mereka dalam sekatan jalan raya malam tadi.	E I
8	Kempen Cintailah Sungai Kita perlu dipergiat demi menyadarkan masyarakat tentang kepentingan sungai sebagai sumber pembekal air bersih.	E I
9	Pembacaan yang luas melalui majalah pendidikan, surat khabar, ensklopedia boleh membantu murid untuk meningkat ilmu pengetahuan.	E I
10	Kerajaan menyerukan rakyat untuk bersama-sama menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam bagi merialisasikan hasrat negara sebagai negara mesra alam.	E I